



# KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

## PERSIDANGAN PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2018

Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan kerjasama Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) akan menganjurkan Persidangan Percukaian Kebangsaan (National Tax Conference @ NTC) pada **16 dan 17 Julai 2018**, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), bertemakan ***Taxation in a Changing Economy***.

NTC merupakan program pendidikan cukai utama LHDNM dan CTIM yang mendapat sambutan amat menggalakkan daripada golongan profesional termasuk pengamal percukaian, akauntan, juruaudit, ahli korporat dan ahli akademik dari pusat pengajian tinggi tempatan.

Semenjak ia mula dianjurkan pada tahun 2001, NTC telah berjaya muncul sebagai platform bagi LHDNM, CTIM dan para peserta persidangan untuk membincangkan isu-isu semasa percukaian dan ekonomi negara. Seperti tahun 2017, jumlah penyertaan pada tahun ini juga dijangka melebihi 2,000 orang.

Sebarang pertanyaan dan permohonan boleh die-melkan ke [ntc@hasil.gov.my](mailto:ntc@hasil.gov.my) atau [ntc@ctim.org.my](mailto:ntc@ctim.org.my) atau sila layari portal rasmi LHDNM [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) dan klik pautan di bawah untuk keterangan lanjut dan mendaftar sebagai peserta:

<http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/NTCBrochure180518.pdf>

Jangan ketinggalan! Ayuh sertai kami!.

# # #

**Sekian, Terima Kasih**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 26 Jun 2018**